



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 7 JANUARI 2025**


BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TIGA LELAKI DITAHAN DISYAKI SELUDUP 2,000kg KARKAS KHINZIR BERNILAI RM100,000, SELANGOR KINI -ONLINE GOF FOILS ATTEMPT TO SMUGGLE PIG CARCASSES WORTH OVER RM160,000, NABS THREE MEN, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	TIONG GESA PIHAK BERKUASA TANGANI PROTES NELAYAN MENGENAI ISU PASANG MTU, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	MAQIS KELANTAN TAHAN LELAKI THAILAND, 22 BOTOL DARAH BABI DIRAMPAS, BERITA RTM -ONLINE MAQIS KEDAH RAMPAS HAMPIR 130kg LONGAN TANPA PERAKUAN SAH, PADANG TERAP, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	LPP SERAH BANTUAN BENCANA AGROMAKANAN UNTUK AHLI PELADANG, CETUSAN, SH -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
7. 8.	KADA BELI 150 UNIT PAM MUDAH ALIH HADAPI MUSIM KEMARAU, LOKAL, HM -11 150 PAM MUDAH ALIH BANTU PESAWAH, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2025	SELANGOR KINI	ONLINE	

Tiga lelaki ditahan disyaki seludup 2,000 kg karkas khinzir bernilai lebih RM100,000



KOTA BHARU, 6 JAN: Tiga lelaki ditahan kerana disyaki menyeludup hampir 2,000 kilogram karkas khinzir dianggar bernilai RM165,696 di Kampung Tasek Kwong, Lubok Stoi, Rantau Panjang, Sabtu lepas.

Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata kesemua yang berusia 30 hingga 44 tahun itu ditahan pada 2.30 petang ketika menaiki sebuah lori.

Beliau berkata pemeriksaan mendapati karkas khinzir tanpa dokumen sah daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu disorokkan di dalam lori terbabit.

“Mereka dipercayai bertindak sebagai penghantar untuk menyeludup karkas khinzir itu ke pasaran tempatan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Nik Ros Azhan berkata kesemua suspek bersama barang rampasan dibawa ke Komtak PGA Taman Bakti untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647).

Dalam kes lain, beliau berkata PGA menahan seorang lelaki warga Thailand dipercayai cuba menyeludup masuk barangan runcit yang dianggar bernilai RM28,600 di Sekat Pintu Serongga, Rantau Panjang, kira-kira 8.30 pagi Sabtu lepas.

Beliau berkata lelaki berusia 44 tahun itu ditahan selepas anggota PGA menahan kenderaan dipandunya dan pemeriksaan menemukan pelbagai barangan runcit dipercayai dari Thailand tanpa dokumen sah.

“Barangan dirampas dibawa ke Komtak PGA Taman Bakti untuk siasatan mengikut Seksyen 4(1) Akta Makanan 1983,” katanya.

— BERNAMA

CRIME & COURTS > NEWS

GOF Foils Attempt To Smuggle Pig Carcasses Worth Over RM160,000, Nabs Three Men

🕒 06/01/2025 09:21 PM



Credit: FB Briged Tenggara PGA Rasmi

KOTA BHARU, Jan 6 (Bernama) -- Three local men were arrested on suspicion of smuggling nearly 2,000 kg of pig carcasses, estimated to be worth RM165,696, in Kampung Tasek Kwong, Lubok Stoi, Rantau Panjang on Saturday.

Southeast Brigade General Operations Force (GOF) commander Datuk Nik Azhan Nik Ros Nik Ab Rahman said in a statement today that the suspects, aged between 30 and 44, were apprehended at 2.30 pm.

Services, which was believed to be for the local market.

Nik Azhan said the case is being investigated under Section 36(1) of the Animals Act 1953 (Act 647).

Meanwhile, he said GOF personnel also arrested a 44-year-old Thai man at a roadblock in Serongga, Rantau Panjang, for attempting to smuggle grocery items estimated to be worth RM28,600.

He said the man was arrested at 8.30 am on Saturday after GOF members found various suspected smuggled grocery items without valid documentation in his vehicle.

He added that the case is being investigated under Section 4(1) of the Food Act 1983.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2025	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Tiong gesa pihak berkuasa tangani protes nelayan mengenai isu pasang MTU



SIBU: Keputusan kerajaan untuk mewajibkan pemasangan Unit Radar Mudah Alih (MTU) bagi kapal kelas C telah mencetuskan kritikan dan ketidakpuasan yang ketara dalam kalangan pekerja industri perikanan.

Dua hari lepas, lebih 200 ahli Persatuan Kapal Perikanan Sarawak (SFVA) di seluruh negeri menggantung operasi mereka selama seminggu, dengan Pengerusinya Harry Tan, berkata bahawa langkah tersebut merupakan protes terhadap apa yang mereka anggap sebagai layanan tidak adil dan dasar yang dikenakan oleh Jabatan Perikanan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Tiong King Sing (*gambar*), menggesa pihak berkuasa yang berkaitan untuk memulakan dialog segera dan berkesan dengan para nelayan bagi mencari penyelesaian yang sesuai dan mengelakkan isu ini daripada berkembang.

Tiong, yang juga Ahli Parlimen Bintulu dan ADUN Dudong, berkata situasi ini berpotensi mengganggu rantai bekalan makanan Sarawak dan dengan kedatangan Tahun Baru Cina, ia akan memberi kesan kepada bekalan ikan.

“Jika pihak berkuasa tidak segera melaksanakan penyelesaian yang lebih baik, kemungkinan akan berlaku kekurangan bekalan, memaksa orang ramai membayar harga yang lebih tinggi untuk ikan,” katanya.

Menurut Tiong, mulai 2 Jan, Jabatan Perikanan tidak akan meluluskan pembaharuan lesen untuk kapal trawl Kelas C tanpa penjejak satelit, dan kapal yang didapati beroperasi tanpa peralatan tersebut akan menghadapi tindakan penguatkuasaan.

Beliau berkata nelayan di kawasan pilihan rayanya telah berulang kali menyuarakan kebimbangan mereka, menekankan bahawa langkah ini menambah beban kewangan mereka.

“Kos untuk memasang MTU sahaja melebihi RM6,000. Kemudian, ada lagi RM2,000 setiap tahun untuk sewa dan penyelenggaraan,” jelasnya, sambil menyatakan bahawa nelayan menghadapi cabaran tambahan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan iklim, mengatasi kenaikan gaji minimum, dan meningkatkan daya saing mereka di pasaran.

Beliau menekankan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, telah menggesa agar kerajaan memberi keutamaan dalam menyelesaikan isu-isu asas yang dihadapi oleh rakyat dan telah mengarahkan setiausaha-setiausaha kementerian agar menangani kebimbangan awam secara peribadi.

“Saya berharap agar Ketua Pengarah Jabatan Perikanan dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, akan menangani isu ini dan menyelesaikannya dengan sewajarnya bagi memastikan nelayan dapat terus mencari rezeki,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2025	BERITA RTM	ONLINE	

MAQIS Kelantan tahan lelaki Thailand, 22 botol darah babi dirampas



PENGKALAN KUBOR, 6 Januari- Seorang lelaki warga Thailand ditahan bersama 22 botol darah babi di Pengkalan Kubor, Kelantan, 21 Disember lalu.

Penahanan dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan.

Ketua Pintu Masuk Pengkalan Kubor, Mohd Ariwadi Mohd Salleh berkata, lelaki berusia 30-an itu ditahan

dalam pemeriksaan rutin selepas dikesan membawa barangan itu tanpa dokumen dan perakuan yang sah.

Barangan tersebut ditemukan di dalam plastik hitam di ruang tempat duduk hadapan penumpang kenderaan warga Thailand terbabit.

Penahanan dan rampasan dilakukan bagi mencegah risiko kemasukan penyakit African Swine Fever (ASF) ke negara ini.

Kes disiasat mengikut bawah Seksyen 11(1) Akta 728.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2025	SINAR HARIAN	PADANG TERAP	26



Cubaan membawa masuk hampir 130kg longan di pintu masuk Kota Putra Durian Burung, Rabu lepas.

Maqis Kedah rampas hampir 130kg longan tanpa perakuan sah

PADANG TERAP - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah mengagalkan cubaan membawa masuk hampir 130 kilogram (kg) buah longan di pintu masuk Kota Putra Durian Burung pada Rabu lepas.

Pengarah Maqis Kedah, Hisham Abu Bakar berkata, pemeriksaan rapi oleh pasukan penguat kuasa menemui buah longan tersebut yang dibawa masuk tanpa perakuan 3P (perlabelan, peng-

gredan dan pembungkusan) yang diwajibkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Perkara ini adalah pelanggaran serius di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan semua barang rampasan kini ditahan untuk siasatan dan tindakan lanjut.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta 728," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Hisham menegaskan bahawa

tindakan tegas akan terus diambil untuk memastikan barangan pertanian yang diimport ke negara ini.

"Ini termasuklah tumbuhan, karkas, ikan dan hasil pertanian, bebas daripada ancaman perosak dan penyakit berbahaya," katanya.

Tegas beliau, penguatkuasaan berterusan dilakukan bagi mengekang kemasukan barangan pertanian secara haram yang boleh mengancam ekosistem dan kesejahteraan masyarakat.

LPP serah bantuan bencana agromakanan untuk ahli peladang

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

KUALA LANGAT - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menyerahkan bantuan bencana agromakanan kepada 208 anggota dan 16,772 ahli peladang di tiga negeri yang terjejas banjir baru-baru ini.

Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar berkata, sejumlah RM100,000 diperuntukkan bagi menyantuni golongan sasar di Kedah, Terengganu dan Kelantan.

Menurutnya, bantuan tersebut diharapkan dapat memberi sedikit kelegaan dan suntikan semangat buat warga tersebut untuk terus bangkit menghadapi cabaran hidup.

"Bantuan yang disalurkan merangkumi barangan keperluan sedia dimakan dalam bentuk bakul makanan termasuk tajaan daripada Nestle Products Sdn Bhd.

"Saya percaya beban dan kerugian ditanggung mangsa banjir lebih daripada jumlah sekampit beras melalui sumbangan kami.

"Tetapi, secara keseluruhan kerajaan memberikan tumpuan penuh kepada mereka khususnya yang mengalami kerugian hasil tanaman padi. Insya-ALLAH pemberian sumbangan akan

diselesaikan dalam tempoh tiga hari," katanya ketika sidang akhbar Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Agromakanan LPP di Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian di sini pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Pengarah LPP, Amir Matamin dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim.

Mahfuz berkata, penyerahan bantuan itu sebahagian komitmen berterusan kerajaan dalam menunjukkan keprihatinan dan menyantuni kumpulan sasar.

Ujarnya, sumbangan tersebut juga bukti tindakan segera yang diambil bagi membantu anggota LPP dan ahli peladang berikutan kehilangan hasil pertanian.

"LPP juga telah menubuhkan Skwad Insan yang terdiri daripada anggota di peringkat negeri untuk menghulurkan bantuan secara langsung.

"Dengan adanya bantuan agromakanan ini diharapkan dapat meringankan beban ahli peladang.

"Selain itu, kami turut menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada mereka agar dapat meneruskan kehidupan dan kembali menyumbang kepada ekonomi negara dengan lebih mantap," katanya.



Mahfuz (kanan) menyerahkan kotak bantuan kepada wakil anggota negeri, Mohd Anhar Mohd Aman ketika Majlis Penyerahan Bantuan Bencana Agromakanan LPP di Kuala Langat pada Isnin.



Mahfuz menaiki forklift sebagai gimik penyerahan bantuan kepada wakil LPP negeri sambil ditemani Amir Matamin (tiga dari kanan).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

Kada beli 150 unit pam mudah alih hadapi musim kemarau

Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) akan membeli 150 unit pam mudah alih membabitkan kos RM17 juta sebagai persediaan musim kemarau bermula April nanti.

Pengerusinya, Khalid Abdul Samad berkata, pembelian pam berkenaan akan dilakukan dalam masa terdekat dan kini dalam proses pemilihan saiz.

"Sebelum ini, kita terpaksa meminjam pam mudah alih daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membekalkan air kepada pesawah.

"Justeru, kita meraskan sekiranya kita sendiri memiliki pam ia lebih mudah untuk kegunaan pesawah.

temuan dengan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar Kelantan Datuk Dr Izani Husin dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi Kelantan Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, semalam.

Katanya, selain kunjunsawah. Kita jangkakan pembelian pam ini akan dapat diselesaikan sebelum April kerana kita jangka ketika itu bermulanya musim kemarau," katanya selepas majlis ramai mesra bersama pengamal media di sini.

Dalam perkembangan lain, Khalid berkata, pihaknya akan mengadakan per-

rumah pam Kemubu.

"Proses baik pulih cerucuk besi memerlukan ke-lulusan kerajaan negeri dan setakat ini terlahu banyak syarat ditetapkan se-dangkan proses baik pulih perlu dilakukan segera bagi membolehkan rumah pam Kemubu dapat membekalkan air kepada pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/1/2025	KOSMO	NEGARA	16



PESAWAH di Kampung Lubok Jambu, Kota Bharu mula menyemai benih padi di kawasan sawah selepas banjir melanda kawasan tersebut pada minggu lalu.

150 pam mudah alih bantu pesawah

- **RM17 juta bantu pesawah Kada ketika kemarau**
- **Agensi itu mahu pastikan penanaman padi berjalan ikut jadual**

Oleh **MUSTAQIM MOHAMED**

KOTA BHARU – Lembaga Kema-
juan Pertanian Kemubu (Kada)
akan membeli lebih 150 unit pam
mudah alih dengan kos RM17 juta
sebagai persediaan untuk mengha-
dapi musim kemarau yang dijangka
bermula pada Mac atau April ini.

Pengerusinya, Khalid Abdul
Samad berkata, ia merupakan
salah satu langkah diambil agensi
itu bagi memastikan penanaman
musim pertama tahun ini dapat
berjalan mengikut jadual.

Katanya, Kada sudah mem-
peroleh peruntukan diperlukan,
tetapi perlu menentukan jenis
dan saiz pam sebelum membuat
pembelian.

“Selama ini, kita banyak me-
minjam pam milik Jabatan Pen-
gairan dan Saliran (JPS). Jika
Kada memiliki pam mudah alih
sendiri, maka ia akan lebih mem-
bantu. Langkah itu merupakan
salah satu persediaan mengha-
dapi musim kemarau dan ber-
harap pam tersebut diperoleh

sebelum April.

“Kita bimbang besi cerucuk di
Stesen Pam Kemubu dan kerosa-
kan infrastruktur akibat banjir
di Empangan Bukit Kwang dan
Panggun 3 di Pasir Puteh tidak
sempat dibaiki sebelum musim
kemarau,” katanya pada sidang
akhbar di sini kelmarin.

Kata Khalid, pertemuan itu
untuk berbincang mengenai
usaha mempercepatkan pema-
sangan besi cerucuk di Stesen
Pam Kemubu yang telah roboh
tang sudah diberi kelulusan oleh
kerajaan negeri.

Kata beliau, Kada sudah mem-
punyai peruntukan RM20 juta
untuk memperbaiki infrastruktur
selepas banjir.